



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2/ Jld. 6 (17)
Tarikh: 19 Disember 2018

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 14 TAHUN 2018**

**PEMANSUHAN AMALAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN DAN AKHIR TAHUN
MURID TAHP I (TAHUN 1, TAHUN 2 DAN TAHUN 3) DI SEKOLAH RENDAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2019**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap I di Sekolah Rendah termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2019.

2. Keputusan pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun bagi murid Tahap I adalah selaras dengan konsep pembelajaran yang berorientasikan perkembangan murid. Hal yang demikian membolehkan guru memberi lebih fokus kepada tugas mendidik dan menyemai nilai-nilai murni kepada murid.

3. Sehubungan dengan itu, pentaksiran yang lebih objektif bagi murid Tahap I hendaklah melihat kepada perkembangan murid secara lebih menyeluruh termasuk amalan nilai-nilai murni yang berbentuk rutin harian. Pentaksiran ini berlaku melalui pembelajaran yang menyeronokkan ke arah pembangunan dan pembentukan karakter murid. Kemahiran 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) adalah kemahiran asas murid Tahap I yang perlu dibina dan diperkuuh sebelum mereka melalui proses pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

4. Bagi mencapai hasrat tersebut, pentaksiran ini dilaksanakan melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- i. bercerita;
- ii. projek mudah;
- iii. permainan;
- iv. main peranan; dan
- v. kuiz

5. Selain daripada aktiviti di dalam para 4, guru juga boleh menjalankan PBD dalam bentuk aktiviti lain yang bersesuaian.

6. Proses pembelajaran, hasil kerja murid dan amalan nilai murni digunakan untuk menilai perkembangan pembelajaran murid. Pelaporan pembelajaran murid digunakan oleh guru dan ibu bapa untuk menambahbaik proses pembelajaran dan menentukan bentuk sokongan yang boleh diberikan bagi memastikan perkembangan potensi, bakat, minat, kemahiran dan sahsiah murid dioptimumkan.

7. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PBD, maka pihak sekolah hendaklah merancang jadual waktu yang bersesuaian. Di samping itu, guru juga boleh melaksanakan pengajaran secara kolaboratif bagi memastikan PdP yang lebih menyeronokkan dan bermakna dapat direalisasikan.

8. Dalam hal ini, KPM juga telah memutuskan supaya program saringan Literasi dan Numerasi (Program LINUS2.0) akan dihentikan mulai tahun 2019. Oleh itu, pihak sekolah hendaklah mengenalpasti murid Tahap I yang mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta menyediakan intervensi yang bersesuaian di peringkat sekolah.
9. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Tahap I seperti yang dilampirkan. Dengan berkuatkuasanya surat siaran ini, maka **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2016, Perubahan Pelaksanaan Saringan LINUS2.0 Mulai Tahun 2016 Bagi Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 31 Mac 2016 adalah dibatalkan.**
10. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAARI BIN OSMAN)

b.p Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah
Sektor Pengajian Tinggi
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)

BAGI MURID TAHAP I

1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang kaedah pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) seiring dengan pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid Tahap I di semua sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2019.

2.0 Latar Belakang

Pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) bertujuan untuk memupuk murid yang mempunyai nilai etika dan kerohanian, bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan, menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip serta berani melakukan perkara yang betul.

PBD merupakan kaedah pentaksiran yang bersifat autentik dan holistik, serta lebih berfokus kepada perkembangan dan pembelajaran murid, dan bukan lagi berorientasikan peperiksaan. PBD juga dapat mewujudkan budaya pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna.

Pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun di Tahap I adalah untuk membolehkan guru memberikan lebih penumpuan terhadap PdP yang dapat membina karakter dan sahsiah murid dan amalan nilai rutin harian. Pelibatan ibu bapa juga penting dalam usaha

menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan bebas tekanan kepada murid di peringkat awal usia persekolahan.

3.0 Tafsiran PBD Tahap I

PBD merupakan sebahagian daripada PdP di dalam bilik darjah dan dijalankan secara berterusan. PBD secara sumatif dalam bentuk peperiksaan pertengahan dan akhir tahun diganti dengan aktiviti pentaksiran berupa projek mudah, kuiz, permainan, main peranan dan bercerita. Hasil kerja murid dinilai sebagai bahan pentaksiran yang dijalankan dalam PdP.

4.0 Objektif Pelaksanaan PBD

Pelaksanaan PBD bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang perkembangan dan kemajuan pembelajaran, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid supaya tindakan susulan yang sesuai sama ada untuk meningkatkan atau memperbaiki pembelajaran murid dapat diambil secara serta-merta. Di samping itu, PBD dapat memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru.

5.0 Aktiviti PdP Yang Melibatkan PBD

5.1 PBD dilaksanakan melalui aktiviti PdP yang berikut:

- a. Projek Mudah
- b. Bercerita
- c. Permainan
- d. Main Peranan
- e. Kuiz

5.2 Guru mata pelajaran boleh berbincang dan merancang dengan guru mata pelajaran lain untuk melaksanakan aktiviti PdP. Aktiviti

boleh menggabungkan kandungan daripada dua atau lebih mata pelajaran.

- 5.3 Guru juga boleh menjalankan PBD dalam bentuk aktiviti lain yang sesuai.

6.0 Kaedah Pelaksanaan PBD

PBD dilaksanakan dalam semua mata pelajaran dalam proses PdP harian dan secara berterusan. PBD dilaksanakan secara formatif dan sumatif mengikut keupayaan dan keperluan murid. Berikut adalah kaedah pelaksanaan PBD:

- 6.1 Merancang PdP dan kaedah pentaksiran dengan meneliti dan memahami kandungan dalam DSKP.
- 6.2 Melaksanakan PBD untuk mengumpul maklumat melalui pelbagai kaedah pentaksiran.
- 6.3 Membina instrumen PBD berdasarkan keperluan dan pembelajaran murid seperti:
 - Senarai semak
 - Soal-selidik
 - Lembaran kerja
 - Rekod berterusan
 - Skala kadar
 - Ujian (lisan/bertulis)
- 6.4 Merekod dan menganalisis penguasaan murid untuk tindakan susulan.

- 6.5 Melapor tahap penguasaan dan perkembangan murid sekurang-kurangnya dua kali setahun.

7.0 Pelaksanaan Pemulihan

Murid Tahap I yang mempunyai kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dikenal pasti dan diberi pemulihan yang bersesuaian. Pihak sekolah diberi autonomi untuk melaksanakan pemulihan mengikut kesesuaian di peringkat sekolah. Sekolah boleh menggunakan instrumen yang bersesuaian seperti instrumen LINUS sedia ada atau senarai semak untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid.

8.0 Peranan Guru Dalam PBD

- 8.1 Guru **menentukan objektif pembelajaran** berdasarkan Standard Pembelajaran, merancang dan membina instrumen PBD berdasarkan Standard Prestasi, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, membuat tindakan susulan dan melaporkan perkembangan pembelajaran murid.
- 8.2 Guru hendaklah **memastikan terdapat perkembangan dalam pembelajaran murid**. Setiap murid dibimbing untuk mencapai sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3. Walau bagaimanapun, guru juga perlu membuat perancangan dan pelaksanaan untuk memastikan pengembangan potensi semua murid bagi mencapai tahap optimum.
- 8.3 Guru **mentaksir murid secara holistik** berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara berterusan melalui

pelbagai kaedah seperti pemerhatian, latihan, respons murid secara lisan dan kerja projek. Guru hendaklah menggalakkan murid melaksanakan pentaksiran rakan sebaya atau secara kendiri.

- 8.4 Guru **boleh menyimpan hasil kerja murid**, dalam bentuk lembaran kerja, kertas ujian atau buku latihan dan/atau dalam bentuk objek/maujud sebagai bahan bukti untuk menunjukkan perkembangan penguasaan murid kepada pihak yang berkepentingan seperti pentadbir dan ibu bapa.
- 8.5 Guru hendaklah **sentiasa berbincang dengan rakan sejawat** tentang perkembangan dan kemajuan murid dalam pembelajaran serta kaedah PdP yang sesuai untuk meningkatkan tahap penguasaan murid.
- 8.6 Guru **menentukan Tahap Penguasaan** murid berdasarkan pengetahuan, pengalaman, tanggungjawab profesional guru dan hasil pentaksiran murid.
- 8.7 Guru **menyediakan Pelaporan Tahap Penguasaan** murid untuk dimaklumkan kepada murid dan ibu bapa mengenai tahap pembelajaran murid untuk tindakan susulan.
- 8.8 Guru perlu **memberikan ulasan perkembangan murid seperti kemahiran, sikap dan nilai** pada ruangan ulasan guru dalam templat pelaporan untuk menggambarkan profil murid secara **menyeluruh**.

9.0 Penyimpanan Rekod PBD

Rekod PBD yang telah disediakan boleh disimpan oleh guru dan pihak sekolah untuk tujuan pelaporan atau tindakan susulan. Hasil kerja murid boleh disimpan dalam bentuk digital, cetakan atau apa-apa bentuk yang bersesuaian untuk rujukan guru dan pihak sekolah.

10.0 Penjaminan Kualiti PBD

Penjaminan kualiti PBD adalah tanggungjawab sekolah. Pentadbir perlu menjalankan penjaminan kualiti di peringkat sekolah untuk memastikan kelancaran dan ketepatan pelaksanaan pentaksiran dalam bilik darjah.

11.0 Penutup

Guru boleh mendapat maklumat mengenai PBD dengan merujuk **Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah** terbitan tahun 2018 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (<http://bpk.moe.gov.my>).

PBD merupakan proses berterusan dalam PdP yang bertujuan untuk melahirkan murid secara holistik yang menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai ke arah kemenjadian murid seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan PBD adalah hasil daripada komitmen guru, sokongan dan bimbingan semua pihak yang terlibat iaitu pihak pentadbir sekolah, PPD, JPN dan ibu bapa.

Kementerian Pendidikan Malaysia

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya

LAMPIRAN 1 : Carta Alir Pelaksanaan PBD

LAMPIRAN 1

Carta Alir Pelaksanaan PBD

